

PERANCANGAN STRATEGIK 2016-2020 INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS BATU LINTANG

Kandungan	Muka surat
1.0 Latar Belakang	3
2.0 Visi dan Misi	6
3.0 Objektif	28-29
4.0 Piagam Pelanggan	30-31
5.0 Perancangan Strategik IPGKBL 2016-2020	32
5.1 Peta Perancangan Strategik IPGKBL 2016-2020	33
5.2 Jabatan Bahasa	34-42
5.2.1 Unit Bahasa Inggeris	
5.2.2 Unit Pengajian Cina	43-51
5.3 Jabatan Pengajian Melayu	52-69
5.4 Jabatan Ilmu Pendidikan	70-78

5.5	Jabatan Matematik	79-88
5.6	Jabatan Sains	89-96
5.7	Jabatan Sains Sosial	97-105
5.8	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral	106-119
5.9	Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	120-126
5.10	Jabatan Teknologi Pendidikan	127-136
5.11	Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan	137-146
5.12	Jabatan Hal Ehwal Pelajar	147-155
5.13	Unit Peperiksaan dan Pentaksiran	156-163
5.14	Unit Praktikum	164-173
5.15	Unit Kokurikulum	174-187
5.16	Unit Latihan dalam Perkhidmatan	188-193
5.17	Unit Pusat Sumber	194-205
5.18	Unit Pentadbiran	206-209
5.19	Unit Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur	210-215
5.20	Budaya Institut Pendidikan Guru	216-223
6.0	Jawatankuasa Penyediaan Perancangan Strategik 2016-2020	226
7.0	Rujukan	228

1.0 Latar Belakang

LATAR BELAKANG

Perancangan dan pengurusan yang berkesan akan memastikan guru-guru mendapat latihan berkesan dan sudah tentu dapat memberikan impak terhadap kejayaan sesebuah sekolah. Ini bermakna setiap warga Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang ialah peneraju utama yang akan menentukan kualiti guru yang lahir daripada kampus ini dapat berkhidmat untuk membangunkan modal insan di sekolah-sekolah yang terdapat di segenap pelosok negara.

Dalam usaha merangka Perancangan Strategik Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (2016-2020), perkara-perkara berikut perlulah diambil kira:

- (1) Akta Pendidikan 1996 dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- (2) Falsafah Pendidikan Guru
- (3) Visi, Misi, Hala tuju Institut Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia (IPGKPM)
- (4) Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)
- (5) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)
- (6) Budaya Institut Pendidikan Guru
- (7) Standard Guru Malaysia (SGM)
- (8) NKRA, SUBNKRA KPM dan KPI KPM
- (9) Program Transformasi Kerajaan
- (10) Model Ekonomi Baru

(1) Akta Pendidikan 1996

Pendidikan merupakan prasyarat penting untuk menjadikan sesebuah negara itu maju dan berjaya. Akta Pendidikan 1996 menyatakan:

“Dan BAHAWASANYA pendidikan mempunyai peranan penting dalam menjayakan wawasan negara untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dari kemajuan ekonomi, keadilan sosial, dan kekuatan rohani, moral dan etika, ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersepadu, demokratik, liberal dan dinamik”.

“Dan BAHAWASANYA adalah menjadi suatu misi untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bertaraf dunia dari segi kualiti bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan mencapai aspirasi negara Malaysia.”

(2) Falsafah Pendidikan Guru

Falsafah Pendidikan Guru ialah:

“...melahirkan guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara, serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.”

(3) Visi, Misi dan Hala Tuju IPGM KPM

Visi: Institut Pendidikan Guru Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru

Misi: Institut Pendidikan Guru melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui Program
Pembangunan Guru yang Dinamik ke Arah Pendidikan Sekolah Bertaraf Dunia.

Hala Tuju: (i) Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran
(ii) Kecemerlangan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi
(iii) Kcemerlangan Perkhidmatan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pengupaya:

(i) Nilai dan Falsafah Organisasi
(ii) Sumber Manusia Berkualiti
(iii) Perkhidmatan Berkualiti
(iv) Infrastruktur Berkualiti

Proses:

(i) Memantapkan Program Pembangunan Insan Guru
(ii) Memperkukuh Tadbir Urus dan Kepimpinan Berkesan
(iii) Memantapkan Pengantarabangsaan, Perkongsian, dan Kolaboratif Strategik
(iv) Memperluas Pengalaman Pelajar Baharu
(v) Membangunkan Budaya Organisasi Pembelajaran
(vi) Memperluas Khidmat dan Tanggungjawab Sosial

(4) Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP)

PIPP merupakan perancangan strategik pendidikan yang telah dirangka bagi mencapai hasrat Negara Maju mengikut acuan sendiri. Teras Strategik PIPP ialah:

(i) Membina Negara Bangsa

Fokus kepada:

- (a)Memperkasakan Bahasa Kebangsaan
- (b)Memantapkan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional
- (c)Memupuk Kecintaan terhadap Seni, Warisan, dan Budaya Bangsa
- (d)Memupuk Kefahaman yang Jelas terhadap Pendekatan Islam Hadari

(ii) Membangunkan Modal Insan

Fokus kepada:

- (a) Mengadakan Lebih Banyak Pilihan Pendidikan kepada Ibu Bapa dan Pelajar
- (b) Meningkatkan Keupayaan dan Minat bagi Menguasai Ilmu Pengetahuan dan Kemahiran
- (c) Membentuk Keterampilan dan Keperibadian
- (d) Pemantapan Adab dan Budi Bahasa
- (e) Pengukuhan Program 3K
- (f) Pengukuhan Disiplin Pelajar

(iii) Memperkasakan Sekolah Kebangsaan

Fokus kepada:

- (a) Peluasan Program Prasekolah
- (b) Pemantapan Kepimpinan Pengetua/Guru Sekolah dan Kualiti Guru
- (c) Pengukuhan Budaya Sekolah
- (d) Pemantapan Kurikulum
- (e) Pemantapan Aktiviti Kokurikulum dan Sukan
- (f) Penambahbaikan Sistem
- (g) Peningkatan Prestasi Akademik
- (h) Meningkatkan Kualiti Prasarana

(iv) Merapatkan Jurang Pendidikan

Fokus kepada:

- (a) Membangunkan Infrastruktur dan Kemudahan Pendidikan Luar Bandar
- (b) Meningkatkan Kadar Penyertaan dan Mengurangkan Risiko Keciciran
- (c) Meningkatkan Bilangan Guru Terlatih dan Mengikut Opsyen di Kawasan Pedalaman
- (d) Menambah Baik Sistem Pengagihan Bantuan kepada Pelajar Miskin, Berkeperluan Khas dan Kumpulan Minoriti.

(v) Memartabatkan Profesion Keguruan

Fokus kepada:

- (a) Menambah Baik Sistem Pemilihan Calon Guru
- (b) Memantapkan Latihan Perguruan
- (c) Memantapkan Kerjaya Guru
- (d) Memantapkan Perancangan dan Pengurusan Sumber Manusia

(vi) Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan

Fokus kepada:

- (a) Sekolah Kluster/ Sekolah Berprestasi Tinggi
- (b) Memastikan Kepimpinan Teguh dan Berkesan
- (c) Lebih Autonomi kepada Sekolah
- (d) Sistem Akauntabiliti
- (e) Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan

(5) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-3025

Pada Oktober 2011, Kementerian Pendidikan telah melancarkan kajian semula sistem pendidikan negara secara menyeluruh dalam usaha membangunkan PPPM yang baharu.

PPPM melakarkan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa depan. Pelan ini mencadangkan sebelas anjakan strategik dan operasi yang perlu dilaksanakan oleh kementerian bagi mencapai visi yang dihasratkan. Sebahagian daripada anjakan ini merupakan perubahan

strategi dan hala tuju pendidikan. Anjakan yang lain merupakan perubahan pelaksanaan dalam cara kementerian dan sekolah melaksanakan dasar sedia ada.

Sebelas anjakan dalam PPPM:

- (i) Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.
- (ii) Memastikan setiap murid mempelajari kemahiran dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan.
- (iii) Melahirkan rakyat yang menghayati nilai.
- (iv) Mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan
- (v) Memastikan kepimpinan berprestasi Tinggi ditempatkan di setiap sekolah.
- (vi) Mengupayakan JPN, PPD, dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berdasarkan keperluan
- (vii) Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.
- (viii) Mentransformasikan kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian
- (ix) Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti, dan sektor swasta secara meluas.
- (x) Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit.
- (xi) Meningkatkan ketelusan untuk kebertanggungjawaban awam secara langsung.

(6) Budaya Institut Pendidikan Guru

Budaya IPG ialah rujukan bagi warga IPG ke arah memartabatkan profesion keguruan. Ia adalah usaha melahirkan dan membentuk guru yang berilmu, beradab, beramal dan menjadi teladan kepada para pelajarnya. Tujuh dimensi Budaya IPG adalah seperti berikut:

(i) Budaya Ilmu

Merujuk kepada amalan mencintai ilmu dan keinginan untuk memiliki ilmu, kesungguhan menghayati ilmu, menggunakan ilmu pada tempatnya serta meletakkan ilmu sebagai nilai yang paling dihargai dalam kehidupan.

Ciri-ciri utama:

- (a) Pembelajaran Sepanjang Hayat
- (b) Berilmu Pengetahuan Luas, Mendalam, dan Terkini (Syumul)
- (c) Menguasai, Mengamalkan, menghayati, dan Berkongsi Ilmu
- (d) Menjana, Mencetus, Mengembang dan Menyumbang Ilmu
- (e) Mengamalkan Penyelidikan

(ii) Budaya Kepimpinan

Merujuk kepada keupayaan menerima dan melaksanakan tugas sebagai satu amanah dan tanggungjawab, serta keupayaan mengurus sumber ke arah mencapai visi dan misi organisasi.

Ciri-ciri Utama:

- (a) Keperluan Membuat Keputusan
- (b) Pemikiran Reflektif
- (c) Menghayati Visi dan Misi IPG serta Aspirasi Negara
- (d) Mempunyai Idea-idea yang Bernas
- (e) Bermotivasi Tinggi untuk Menggerakkan Perubahan
- (f) Berupaya Menyelesaikan Masalah
- (g) Menjalinkan Kekitaan antara Warga IPG
- (h) Membimbing Warga IPG ke Arah Pengurusan Kendiri yang Berkesan
- (i) Menjadikan Pembelajaran sebagai Keutamaan Menetapkan Ekspektasi dan Pencapaian yang Tinggi

- (j) Mengorientasikan Kurikulum dengan Piawaian Pencapaian
- (k) Mewujudkan Komuniti Belajar Sepanjang Hayat
- (l) Menyediakan Pelbagai Cara untuk Mentaksir dan Menilai Pembelajaran
- (m) Menyediakan Sumber dan Sistem untuk Membantu dan Menyokong Pembelajaran
- (n) Kesetiaan kepada Organisasi

(iii) Budaya Kerja Profesional

Merujuk kepada satu tabiat kerja yang mementingkan kecemerlangan, kualiti, dan menekankan kerja berpasukan.

Ciri-ciri Utama:

- (a) Mendorong Visi dan Misi Organisasi
- (b) Meletakkan Kerja sebagai Amanah dan Ibadah
- (c) Bersikap Proaktif, Kritis, Kreatif dan Inovatif
- (d) Optimis dan Komited dalam Pekerjaan
- (e) Mementingkan Kualiti dan Menepati Piawaian yang ditentukan
- (f) Kepuasan Pelanggan sebagai Sasaran Utama Kerja
- (g) Menepati Masa, Cekap, Tepat, dan Mematuhi Prosedur
- (h) Menitikberatkan Kerja Sepasukan dalam Menjayakan Aktiviti Organisasi

(iv) Budaya Akhlak dan Moral

Merujuk kepada tingkah laku terpuji seperti tutur kata, tata tertib, sopan santun, akal budi, dan kebijaksanaan (mahmudah). Budaya ini mestilah bertunjangan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, keharmonian perhubungan antara manusia dengan Pencipta, dan perhubungan manusia dengan manusia dan alam sekitar.

Ciri-ciri utama:

- (a) Sentiasa Bersyukur
- (b) Merendah Diri (Tawadhuk)
- (c) Redha dengan Qada dan Qadar
- (d) Taqwa
- (e) Ikhtiar dan doa
- (f) Mematuhi Etika

(v) Budaya Penyayang

Merujuk kepada nilai ihsan yang berasaskan konsep cinta kepada Tuhan, kasih sayang dan hormat-menghormati sesama insan dan alam sekitar.

Ciri-ciri utama:

- (a) Keprihatinan kepada Makhluk
- (b) Sayang akan diri, keluarga dan Masyarakat
- (c) Sayang akan Profesion
- (d) Sayang akan Warga dan Organisasi
- (e) Sayang akan Negara

(vi) Budaya Hidup Sihat

Bermaksud menjaga kesihatan secara berterusan dari segi fizikal, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Tenaga kerja yang sihat akan meningkatkan produktiviti dan mencetuskan suasana kerja yang kondusif.

Ciri-ciri Utama:

- (a) Kesihatan dan Kecergasan Fizikal

- (b) Kematangan Emosi
- (c) Ketenangan Rohani dan Bertaqwa
- (d) Keterbukaan Minda, Positif, Matang dan Rasional
- (e) Persekitaran Mesra

(xii) Budaya Estetika

Merujuk kepada ekspresi dan apresiasi terhadap nilai-nilai seni, keindahan, dan keharmonian. Amalan budaya ini dimanifestasikan menerusi kerja-kerja seni, karya dan persekitaran kerja organisasi.

Ciri-ciri Utama:

- (a) Kehalusan Budi
- (b) Keunggulan Peribadi
- (c) Kesempurnaan Kerja
- (d) Kecantikan dan Keindahan Seni dan Karya
- (e) Keindahan Kebudayaan dan Bangsa
- (f) Keindahan Persekitaran

(7) Standard Guru Malaysia (SGM)

Standard Guru Malaysia (SGM) menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institut latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang disediakan.

SGM digubal bagi tujuan yang berikut:

- (a) Mengenal pasti tahap kompetensi profesional guru dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

(b) Mengenal pasti tahap penyediaan dan pelaksanaan keperluan latihan dan agensi dan institut latihan perguruan bagi menjamin tahap kompetensi guru yang ditetapkan tercapai.

SGM mempunyai dua komponen utama yang paling berkait, iaitu STANDARD (S) dan KEPERLUAN (K) seperti yang terdapat dalam Rajah di bawah:



STANDARD- Merangkumi tiga aspek berikut:

S1- Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan

Standard ini memperincikan kompetensi amalan nilai profesionalisme keguruan berdasarkan domain diri, domain profesion dan domain sosial. Amalan nilai profesionalisme digubal berlandaskan budaya institut Pendidikan Guru (IPG), Tatasusila Profesion Keguruan, nilai murni dalam kurikulum sekolah, nilai utama dalam Perkhidmatan Awam, prinsip utama Etika Kerja KPM dan Tonggak Dua Belas.

S2- Pengetahuan dan Kefahaman

Standard ini memperincikan kompetensi ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang subjek pengkhususan, ilmu pendidikan, kurikulum dan kokurikulum yang patut anda pada seseorang guru. Bidang pengetahuan yang patut dikuasai oleh guru adalah seperti yang berikut:

- i. Falsafah, Matlamat, dan Objektif Pendidikan Yang Menjadi Teras dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran
- ii. Falsafah, Matlamat, Objektif Kurikulum dan Kokurikulum, Hasil Pembelajaran, dan Keperluan Pengajaran dan Pembelajaran bagi Mata Pelajaran yang Diajarkan.
- iii. Kandungan Mata Pelajaran yang Diajarkan
- iv. Kandungan Ilmu Pendidikan
- v. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), Media dan Sumber Pendidikan dalam Pelaksanaan Kurikulum dan Kokurikulum

- vi. Strategi untuk Mewujudkan Persekitaran Pembelajaran yang Kondusif
- vii. Kaedah Pentaksiran dan Penilaian, dan Penyelidikan Tindakan untuk Menambah Baik Amalan Pengajaran dan Pembelajaran
- viii. Potensi Murid dan Cara Mengembangkannya Secara Menyeluruh dan Bersepadu

S3- Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran

Standard ini memperincikan kompetensi kemahiran P&P yang patut dikuasai oleh guru. Kemahiran yang patut ada pada semua guru adalah seperti yang berikut:

- i. Kemahiran menyediakan perancangan P&P Berdasarkan Sukatan Pelajaran dan Takwim dengan mengambil kira perbezaan kebolehan, pengetahuan sedia ada, serta jangkaan pencapaian murid.
- ii. Kemahiran melaksanakan P&P dengan menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik serta mengintegrasikan kemahiran berfikir, kemahiran belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran pemudah cara dan kemahiran mentaksir dan menilai.
- iii. Kemahiran memantau, mentaksir, dan menilai keberkesanan P&P bertujuan membaiki pengajaran dan meningkatkan pencapaian murid.
- iv. Kemahiran mengurus bilik darjah, melibatkan pengurusan hubungan kemanusiaan, masa, ruang, dan sumber untuk mencapai pembelajaran yang bermakna dan berkesan.

KEPERLUAN (K)

IPG perlu menyediakan keperluan latihan dengan mengambil kira dasar kerajaan, peruntukan kewangan, pekelingan dan arahan pentadbiran, tuntutan serta perkembangan semasa. Lima keperluan penting latihan perguruan telah dikenal pasti bagi memastikan guru mencapai tahap kompetensi yang diharapkan. Lima keperluan tersebut adalah:

K1: Kelayakan Masuk dan Prosedur Kemasukan Program Latihan Perguruan

Hanya yang layak sahaja ditawarkan mengikuti Program Latihan Perguruan. Syarat berikut perlu dipatuhi:

- (i) Mengiklankan permohonan
- (ii) Menapis semua permohonan dan memanggil calon yang layak untuk menduduki ujian kelayakan
- (iii) Memanggil calon guru yang melepasi ujian kelayakan pada tahap yang ditetapkan untuk menghadiri temu duga.
- (iv) Melaksanakan sesi temu duga calon guru
- (v) Membuat tawaran kepada calon guru yang berjaya
- (vi) Mendaftar calon guru berpandukan buku pendaftaran
- (vii) Menandatangani Perjanjian Latihan Perguruan

K2: Latihan, Pentaksiran dan Penilaian

Keperluan ini memperincikan program latihan, sistem pemantauan, dan pentaksiran dan penilaian. Perkara-perkara yang perlu disediakan adalah seperti berikut:

- (i) Kurikulum Latihan

- (ii) Sumber Manusia yang berkelayakan, kompeten dan mencukupi
- (iii) Program terancang bagi guru pelatih memperoleh pengetahuan dan pengalaman di sekolah
- (iv) Sumber pengajaran dan pembelajaran
- (v) Pentaksiran dan penilaian berdasarkan Peraturan Peperiksaan dan Penilaian yang sedang berkuat Kuasa

K3: Kolaboratif

Keperluan ini memperincikan permuafakatan antara agensi dan institut latihan perguruan dengan pihak sekolah, institusi pendidikan tinggi tempatan dan luar negara, badan bukan kerajaan serta institusi-institusi lain yang boleh memantapkan latihan perguruan. IPG perlu mewujudkan permuafakatan dengan pelbagai pihak seperti yang berikut:-

- (i) Sekolah
- (ii) Institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara
- (iii) Badan bukan kerajaan seperti persatuan, unit beruniform, serta sukan dan permainan

K4: Infrastruktur dan infostruktur

Keperluan ini memperincikan prasarana pengajaran dan pembelajaran, informasi dan komunikasi bagi mengoptimumkan kecekapan dan keberkesanan program latihan. IPG perlu menyediakan prasarana dan sumber yang lengkap dan terkini seperti yang berikut:

- (i) Menyediakan kemudahan fizikal yang sesuai dan mencukupi bagi memenuhi keperluan kurikulum dan kokurikulum, pengurusan dan pentadbiran, serta kebajikan pelajar dan staf berdasarkan Spesifikasi Standard dan kos yang sedang berkuat kuasa.
- (ii) Menyediakan pangkalan infostruktur yang bersepadu untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran, serta pengurusan dan pentadbiran.

K5: Jaminan Kualiti

Keperluan ini memperincikan semua aspek perancangan dan pelaksanaan dasar, strategi prosedur serta aktiviti bagi mewujudkan keyakinan bahawa kualiti latihan sentiasa terpelihara.

(8) NKRA, SUBNKRA KPM dan KPI KPM

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) memberikan tumpuan kepada enam bidang yang dijadikan teras dalam Program Transformasi kerajaan telah dilancarkan Perdana Menteri pada 28 Januari 2010 dengan tujuan untuk memperkasakan sistem pencapaian kepada rakyat dan melaksanakan keputusan pantas dan berimpak bagi mencapai wawasan 2020.

Enam bidang tersebut ialah:

- (i) Mengurangkan Kadar Jenayah (*Reducing Crime*)
- (ii) Memerangi Rasuah (*Fighting Corruption*)
- (iii) Meluaskan Akses kepada Pendidikan Berkualiti dan Berkemampuan (*Widening Access to Quality and Affordable Education*)
- (iv) Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat (*Raising Living Standards of Low Income Households*)
- (v) Memperkasakan Prasarana Luar Bandar (*Improving Infrastructure in Rural Areas*)
- (vi) Menambah baik Sistem Pengangkutan (*Improving Urban Public Transport*)

Di bawah NKRA Pendidikan, empat SUBNKRA diberikan tumpuan Kementerian Pelajaran. Empat sub-NKRA tersebut ialah:

- (i) Prasekolah
- (ii) Literasi dan Numerasi (LINUS)
- (iii) Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

(iv) Perjanjian Baharu kepada Pemimpin Sekolah
PRASEKOLAH

Sasaran bagi prasekolah adalah untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak lima dan enam tahun kepada 72 peratus menjelang 2010 dan 87 peratus menjelang 2012 serta meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah dengan menjadikan prasekolah swasta dan agensi lain sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan.

Tujuh Strategi Utama

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Prasekolah Kebangsaan
- (ii) Melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
- (iii) Menyeragamkan Bantuan kepada Murid Prasekolah, Kementerian Pelajaran, KEMAS serta Jabatan Perpaduan
- (iv) Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
- (v) Meningkatkan Kualiti Guru dan Pembantu Guru
- (vi) Menambah Prasekolah di Kawasan Miskin Bandar, Luar Bandar dan Pedalaman
- (vii) Meningkatkan Perkongsian Pintar Kerajaan Swasta
- (viii) Mewujudkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan

Literasi dan Numerasi (LINUS)

LINUS ialah program pemulihan direka bentuk untuk memastikan murid menguasai kemahiran asas literasi (Bahasa Malaysia) dan numerasi yang didasarkan kepada murid bermasalah 3M, iaitu Membaca, menulis dan Mengira. Sasaran ialah setiap kanak-kanak menguasai kemahiran asas LINUS selepas mengikuti 3 tahun pendidikan rendah pada akhir tahun 2012. Kementerian Pelajaran akan mewujudkan jawatan fasilitator LINUS (Fasilinus) di semua peringkat Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) bagi memantau guru LINUS serta membantu guru LINUS dalam P&P.

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

Mewujudkan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang mempunyai etos, karakter, dan identiti tersendiri yang kemudian akan melonjakkan kecemerlangan pelajar ke peringkat paling tinggi dengan sasaran 20 SBT menjelang 2020 sebelum meningkat sebanyak 100 SBT pada 2012.

Perjanjian Baru kepada Pemimpin Sekolah

Memperkenalkan penilaian berasaskan pencapaian untuk menilai pengetua dan Guru Besar dengan menawarkan ganjaran menarik kepada mereka yang melepasi sasaran serta membantu Pengetua dan Guru Besar yang lemah.

Kerajaan mensasarkan dua peratus guru mendapat ganjaran pada tahun 2010.

(9) Program Transformasi Kerajaan

YAB Perdana Menteri dalam ucapan beliau pada 27 Julai 2009 menyatakan:

“Sesungguhnya, kita komited melakukan proses transformasi melalui pengurusan berteraskan pencapaian dengan menggunakan kaedah penetapan NKRA dan pengukuran KPI”.

Harapan terhadap Perkhidmatan Awam

- (i) Bertaraf dunia
- (ii) Mampu menangani cabaran ekonomi semasa serta memenuhi harapan rakyat.
- (iii) Profesional dan komited dalam melaksanakan tugas secara cekap dan berkesan

- (iv) Menyediakan maklumat yang tepat dan telus.
- (v) Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan
- (vi) Menyediakan peraturan yang telus dan jelas
- (vii) Proaktif dan bersikap keterbukaan terhadap pandangan rakyat
- (viii) Bertanggungjawab terhadap keputusan dan tindakan demi kepentingan rakyat
- (ix) Mengamalkan tahap etika yang tinggi, jujur dan berintegriti

Pelan Transformasi Sektor Awam (PTSA)

Lima Teras Strategik PTSA

(i) Kerajaan berteraskan Nilai

Strategi 1 - Pengukuhan Perkhidmatan Awam Berasaskan Nilai Murni

Strategi 2 - Pembudayaan Nilai-nilai Murni

Strategi 3 - Komunikasi Berkesan dalam Amalan Nilai-nilai Murni

(ii) Kerajaan Mengutamakan Pencapaian

Strategi 1 - Memaksimumkan Potensi Modal Insan Melalui Peningkatan Tahap Kompetensi

Strategi 2 - Membangunkan Organisasi Berprestasi Tinggi dalam Sektor Awam

(iii) Kerajaan Saling Berhubung

- Strategi 1 - Pengukuhan Dasar, Perancangan dan Tadbir Urus ICT
- Strategi 2 - Perkongsian Maklumat antara Agensi
- Strategi 3 - Penguatkuasaan Integrasi dan Interoperability antara Agensi
- Strategi 4 - Peningkatan kandungan dalam talian (*online*)
- Strategi 5 - Pengukuhan dan Penyeragaman Pengoperasian ICT

(iv) Kerajaan Mendahulukan Rakyat

- Strategi 1 - Memperkasakan Budaya Mendahulukan Rakyat
- Strategi 2 - Menyediakan Perkhidmatan Melangkaui Ekspektasi Rakyat
- Strategi 3 - Melaksanakan Dasar "*No Wrong Door*"
- Strategi 4 - Meningkatkan Kolaboratif dengan Rakyat
- Strategi 5 - Mengurus Persepsi Umum tentang Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan

(v) Kerajaan Berteraskan Inovasi

Strategi 1 - Memperkasakan kapasiti dan keupayaan dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan Pengkomersialan

Strategi 2 - Membudayakan kreativiti dan Inovasi dalam kalangan Rakyat Malaysia

(10) Model Ekonomi Baru (MEB)

Tiga prinsip yang akan menjadi petunjuk kepada pemikiran negara dan pembangunan MEB ialah berpendapatan tinggi, kemapanan dan keterangkuman (*inclusive*). Ketiga-tiga prinsip ini akan memacu kemajuan ekonomi menjadi sebuah negara membangun sepenuhnya; meletakkan kedudukan negara yang berdaya saing secara strategik dalam ekonomi serantau dan global, persekitaran yang mapan dan kualiti kehidupan secara menyeluruh.

Lapan Inisiatif Pembaharuan Strategik akan berfokus kepada:-

- (i) Menyuburkan kembali sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi.
- (ii) Membangunkan tenaga kerja yang berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.
- (iii) Mewujudkan ekonomi domestik yang berdaya saing
- (iv) Memperkukuh sektor swasta
- (v) Melaksanakan Tindakan Afirmatif yang telus dan mesra pasaran
- (vi) Membina infrastruktur yang berasaskan pengetahuan
- (vii) Meningkatkan sumber pertumbuhan
- (viii) Memastikan pertumbuhan yang mapan.

2.0 VISI dan MISI

VISI

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Guru

MISI

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Melahirkan Guru yang Kompeten dan Berjiwa Pendidik melalui Program Pembangunan Guru yang Dinamik ke arah Pendidikan Sekolah Bertaraf Dunia

3.0 OBJEKTIF

OBJEKTIF

Memberikan perkhidmatan pendidikan guru yang bertaraf dunia dari segi kualiti bagi menyediakan guru yang berketerampilan untuk:

- Mengajarakan bidang masing-masing dengan penuh komitmen.
- Mengurus aktiviti kokurikulum dengan berkesan.
- Mematuhi etika profesion keguruan
- Berfikir secara kritis dan kreatif
- Menampilkan ciri-ciri prihatin, penyayang, proaktif, beriltizam, inovatif, berdisiplin, berdaya tahan, yakin dan bertanggungjawab.
- Mengamalkan budaya kerja yang cemerlang dan berpaksikan budaya ilmu.
- Menghargai dan menghayati nilai-nilai kesenian, keindahan dan keharmonian.

4.0 Piagam Pelanggan


PIAGAM PELANGGAN

Kami warga Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang dengan penuh tekad dan iltizam berikrar dan berjanji akan menumpukan tenaga dan usaha kami untuk:

1. Memastikan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan mulai hari pertama setiap semester selaras dengan kurikulum dan kebitaraan yang telah disediakan;
2. Memaklumkan keputusan peperiksaan akhir kursus perguruan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas Mesyuarat Lembaga Peperiksaan Pendidikan Guru;
3. Memastikan guru permulaan yang dikeluarkan daripada IPG Kampus Batu Lintang memenuhi kehendak pelanggan berdasarkan Standard Guru Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan pertama;
4. Memberikan latihan keguruan kepada peserta kursus dalam perkhidmatan mengikut permintaan semasa pelanggan;
5. Memastikan elaun pelajar dibayar dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja pertama bulan berkenaan; dan
6. Memberikan perhatian dan mengambil tindakan terhadap aduan pelanggan yang diterima dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

5.0 Perancangan Strategik 2016-2020

5.1 Peta Perancangan Strategik IPGKBL 2016-2020



5.2 JABATAN BAHASA

5.2.1 UNIT BAHASA INGGERIS

VISI:

Menjadi Salah Sebuah Pusat Kecemerlangan Pendidikan Bahasa Inggeris dalam kalangan Empat IPG di Sarawak

MISI:

Melahirkan Guru Bahasa Inggeris yang Kompeten, Dinamik, Progresif dan Berketerampilan bagi Memenuhi Aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan

HALA TUJU:

- (A) Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran
- (B) Kecemerlangan Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi
- (C) Kecemerlangan Perkhidmatan Pembelajaran Sepanjang Hayat

A. KECEMERLANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

FOKUS UTAMA 1 : Perkongsian Ilmu Pengetahuan dan Kemahiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Inggeris yang Berasaskan OBE				
Fokus 1.1 Pemantapan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Inggeris (BI) (PPPM Anjakan 1: Menyediakan Kesamarataan Akses kepada Pendidikan Berkualiti Bertaraf Dunia				
2016	2017	2018	2019	2020
<p>Isu Utama : Pelaksanaan kurikulum BI yang berkesan</p> <p>Strategi: Meningkatkan kapasiti sumber dalaman dari segi kepakaran dan sumber sokongan untuk memastikan pelaksanaan kurikulum BI berkesan dan menepati keperluan/standard RMK BI dan sekolah.</p> <p>Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Menggalakkan pensyarah Unit Bahasa Inggeris mengikuti kursus berkaitan dengan BI.</p>	<p>Isu Utama : Pelaksanaan kurikulum BI yang berkesan</p> <p>Strategi : Meningkatkan kapasiti sumber dalaman dari segi kepakaran dan sumber sokongan untuk memastikan pelaksanaan kurikulum BI berkesan dan menepati keperluan/standard RMK BI.</p> <p>Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan aktiviti yang mempamerkan penggunaan bahasa Inggeris yang betul dari segi konteks sosial dan tatabahasa.</p> <p>Menggalakkan pensyarah unit Bahasa Inggeris mengikuti kursus berkaitan BI anjuran pihak luar dan melanjutkan pelajaran dalam bidang yang berkaitan dengan BI</p>	<p>Isu Utama : Pelaksanaan kurikulum BI dan pentaksiran yang tepat berpandukan buku panduan pelaksanaan kerja kursus dan penggubalan kertas soalan.</p> <p>Strategi: Meningkatkan kapasiti sumber dalaman dari segi kepakaran dan sumber sokongan untuk memastikan pelaksanaan kurikulum BI berkesan dan menepati keperluan/standard RMK BI.</p> <p>Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan aktiviti yang mempamerkan penggunaan bahasa Inggeris yang betul dari segi konteks sosial dan tatabahasa.</p> <p>Meningkatkan kefahaman serta kemahiran pensyarah dalam penyeliaan praktikum dan dalam bidang pentaksiran.</p>	<p>Isu Utama : Pelaksanaan kurikulum BI dan pentaksiran yang tepat berpandukan buku panduan pelaksanaan kerja kursus dan penggubalan kertas soalan.</p> <p>Strategi : Meningkatkan kapasiti sumber dalaman dari segi kepakaran dan sumber sokongan untuk memastikan pelaksanaan kurikulum BI berkesan dan menepati keperluan/standard RMK BI.</p> <p>Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan aktiviti yang mempamerkan kefasihan penggunaan bahasa Inggeris.</p> <p>Meningkatkan kefahaman serta kemahiran pensyarah dalam penyeliaan praktikum dan bidang pentaksiran.</p>	<p>Isu Utama : Pelaksanaan kurikulum BI dan pentaksiran yang berkesan</p> <p>Strategi : Meningkatkan kapasiti sumber dalaman dari segi kepakaran dan sumber sokongan untuk memastikan pelaksanaan kurikulum BI berkesan dan menepati keperluan/standard RMK BI.</p> <p>Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan aktiviti yang mempamerkan penggunaan bahasa Inggeris yang fasih dan kompeten.</p> <p>Meningkatkan kefahaman serta kemahiran pensyarah dalam penyeliaan praktikum dan bidang pentaksiran.</p>

<p>Pelan Tindakan : Merancang kursus dalaman untuk peningkatan profesionalisme pensyarah Unit bahasa Inggeris.</p> <p>Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berpusatkan pelajar dan aktiviti P&P berdasarkan Ringkasan Maklumat Kursus (RMK)</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Memenuhi jumlah jam dan objektif dan keperluan RMK</p> <p>Pencapaian pelajar dalam BI – 100% lulus</p> <p>Praktikum BI – 100% lulus</p> <p>KPI outcome Menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten dan berkepimpinan dalam pengurusan P&P Bahasa Inggeris.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbing selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p> <p>Kursus Dalaman untuk pensyarah BI</p>	<p>Pelan Tindakan: Merancang kursus dalaman untuk peningkatan profesionalisme pensyarah Unit Bahasa Inggeris.</p> <p>Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti P&P berpusatkan pelajar dan aktiviti yang mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris yang betul dari segi konteks sosial dan tatabahasa.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Memenuhi jumlah jam dan objektif dan keperluan RMK.</p> <p>Pencapaian pelajar dalam BI : 30% Lulus, 65% Kepujian, 5% Cemerlang</p> <p>Praktikum BI: 30% lulus, 65% Kepujian dan 5% Cemerlang</p> <p>KPI outcome Menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten, berkepimpinan dan kreatif dalam pengurusan P&P Bahasa Inggeris.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbing selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p> <p>Kursus Dalaman untuk pensyarah BI</p>	<p>Pelan Tindakan: Merancang kursus dalaman untuk peningkatan profesionalisme pensyarah Unit Bahasa Inggeris.</p> <p>Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti P&P yang mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris yang betul dari segi konteks sosial dan tatabahasa.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output – Memenuhi jumlah jam dan objektif dan keperluan RMK.</p> <p>Pencapaian pelajar dalam BI : 30% Lulus, 65% Kepujian, 5% Cemerlang</p> <p>Praktikum BI: 30% lulus, 65 % kepujian dan 5% Cemerlang</p> <p>KPI outcome Menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten, berkepimpinan dan kreatif dalam pengurusan P&P Bahasa Inggeris.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbing selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p> <p>Kursus Dalaman untuk pensyarah BI</p>	<p>Pelan Tindakan: Merancang kursus dalaman untuk peningkatan profesionalisme pensyarah Unit Bahasa Inggeris.</p> <p>Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti P&P yang mempamerkan kefasihan penggunaan bahasa Inggeris.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output – Memenuhi jumlah jam dan objektif dan keperluan RMK.</p> <p>Pencapaian pelajar dalam BI: 20% Lulus, 70% Kepujian 10% Cemerlang</p> <p>Praktikum BI: 30% lulus, 65 % kepujian dan 5% Cemerlang</p> <p>KPI outcome Menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten, berkepimpinan dan kreatif dalam pengurusan P&P Bahasa Inggeris.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbing selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p> <p>Kursus Dalaman untuk pensyarah BI</p>	<p>Pelan Tindakan: Merancang kursus dalaman untuk peningkatan profesionalisme pensyarah Unit Bahasa Inggeris.</p> <p>Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti P&P yang mempamerkan penggunaan bahasa Inggeris yang fasih dan kompeten.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output – Memenuhi jumlah jam dan objektif dan keperluan RMK.</p> <p>Pencapaian pelajar dalam BI: 20% Lulus, 70% Kepujian 10% Cemerlang</p> <p>Praktikum BI: 30% lulus, 65 % kepujian dan 5% Cemerlang</p> <p>KPI outcome Menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten, berkepimpinan dan kreatif dalam pengurusan P&P Bahasa Inggeris.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbing selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p> <p>Kursus Dalaman untuk pensyarah BI</p>
---	--	--	---	---

Fokus 1.2 Meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan pelajar (PPPM Anjakan 2: Memastikan setiap pelajar profisien dalam Bahasa Inggeris)				
2016	2017	2018	2019	2020
<p>Isu Utama : Penggunaan bahasa Inggeris yang betul dari segi konteks sosial dan tatabahasa.</p> <p>Strategi: Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar</p> <p>Pelan Tindakan: Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan, dengan melibatkan pelajar secara aktif dan optimum bagi meningkatkan keterampilan diri.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menyertai sekurang-kurangnya 1 aktiviti kebahasaan peringkat institut</p> <p>KPI outcome - menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten dan berupaya berkomunikasi secara berkesan dalam Bahasa Inggeris.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbingan selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p>	<p>Isu Utama : Amalan penggunaan bahasa Inggeris yang betul dari segi konteks sosial dan tatabahasa dalam kurikulum BI</p> <p>Strategi: Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan melaksanakan aktiviti P&P kurikulum BI</p> <p>Pelan Tindakan: Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan, dengan melibatkan pelajar secara aktif bagi meningkatkan kreativiti pelajar.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menyertai sekurang-kurangnya 2 aktiviti kebahasaan peringkat institut</p> <p>KPI outcome - menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten dan berupaya berkomunikasi secara berkesan dalam Bahasa Inggeris.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbingan selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p>	<p>Isu Utama : Amalan penggunaan bahasa Inggeris yang betul dari segi konteks sosial dan tatabahasa dalam kurikulum BI</p> <p>Strategi: Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan melaksanakan aktiviti P&P kurikulum BI</p> <p>Pelan Tindakan: Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan, dengan melibatkan pelajar secara aktif bagi meningkatkan kreativiti pelajar.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menyertai sekurang-kurangnya 2 aktiviti kebahasaan</p> <p>KPI outcome - menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten dan berupaya menghasilkan karya kreatif.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbingan selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p>	<p>Isu Utama : Amalan penggunaan bahasa Inggeris yang betul dari segi konteks sosial dan tatabahasa dalam kurikulum BI</p> <p>Strategi: Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan melaksanakan aktiviti P&P kurikulum BI</p> <p>Pelan Tindakan: Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan, dengan melibatkan pelajar secara aktif bagi meningkatkan kreativiti pelajar.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menyertai sekurang-kurangnya 3 aktiviti kebahasaan</p> <p>KPI outcome - menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten dan berupaya menghasilkan karya kreatif.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbingan selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p>	<p>Isu Utama : Amalan penggunaan bahasa Inggeris yang betul dari segi konteks sosial dan tatabahasa dalam kurikulum BI</p> <p>Strategi: Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan melaksanakan aktiviti P&P kurikulum BI</p> <p>Pelan Tindakan: Merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan, dengan melibatkan pelajar secara aktif bagi meningkatkan kreativiti pelajar.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menyertai sekurang-kurangnya 3 aktiviti kebahasaan</p> <p>KPI outcome - menghasilkan bakal guru yang berketerampilan, kompeten dan berupaya menghasilkan karya kreatif.</p> <p>Tindakan susulan: Mengadakan proses bimbingan selia oleh pensyarah terhadap pelajar dan proses pemantauan P&P oleh KJ</p>

Mengadakan program untuk meningkatkan penggunaan BI yang betul dalam konteks sosial dan tatabahasa	Mengadakan program untuk meningkatkan penggunaan BI yang betul dalam konteks sosial dan tatabahasa	Mengadakan program untuk meningkatkan penggunaan BI yang betul dalam konteks sosial dan tatabahasa	Mengadakan program untuk meningkatkan penggunaan BI yang betul dalam konteks sosial dan tatabahasa	Mengadakan program untuk meningkatkan penggunaan BI yang betul dalam konteks sosial dan tatabahasa
--	--	--	--	--

B. KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN INOVASI

FOKUS UTAMA 2 : Membudayakan Penyelidikan dalam Kalangan Pensyarah Bahasa Inggeris				
Fokus 2.1 Peningkatan Usaha Pembudayaan Penyelidikan Bahasa Inggeris (BI) (PPPM Anjakan 4: Mentransformasikan Profesion Keguruan sebagai Profesion Pilihan)				
2016	2017	2018	2019	2020
<p>Isu Utama : Pembudayaan Penyelidikan</p> <p>Strategi : Menjadikan aktiviti penyelidikan BI sebagai aktiviti tahunan Unit Bahasa Inggeris.</p> <p>Pelan Tindakan : Menghadiri kursus/ bengkel/ seminar penyelidikan untuk mendapat bimbingan dalam menjalankan penyelidikan.</p>	<p>Isu Utama : Pembudayaan Penyelidikan</p> <p>Strategi : Menjadikan aktiviti penyelidikan BI sebagai aktiviti tahunan Unit Bahasa Inggeris.</p> <p>Pelan Tindakan : Menghadiri kursus/ bengkel/ seminar penyelidikan untuk mendapat bimbingan dalam menjalankan penyelidikan.</p> <p>Merancang aktiviti penyelidikan BI</p> <p>Mengadakan bengkel penyelidikan</p> <p>Menyediakan draf kertas cadangan penyelidikan</p>	<p>Isu Utama : Pembudayaan Penyelidikan</p> <p>Strategi : Menjadikan aktiviti penyelidikan BI sebagai aktiviti tahunan Unit Bahasa Inggeris.</p> <p>Pelan Tindakan : Menghadiri kursus/ bengkel/ seminar penyelidikan untuk mendapat bimbingan dalam menjalankan penyelidikan.</p> <p>Merancang aktiviti penyelidikan BI</p> <p>Melaksanakan aktiviti penyelidikan BI.</p> <p>Pengumpulan dan analisis data</p>	<p>Isu Utama : Pembudayaan Penyelidikan</p> <p>Strategi : Menjadikan aktiviti penyelidikan BI sebagai aktiviti tahunan Unit Bahasa Inggeris.</p> <p>Pelan Tindakan : Menghadiri kursus/ bengkel/ seminar penyelidikan untuk mendapat bimbingan dalam menjalankan penyelidikan.</p> <p>Merancang aktiviti penyelidikan BI</p> <p>Melaksanakan aktiviti penyelidikan BI.</p> <p>Pengumpulan dan analisis data</p>	<p>Isu Utama : Pemantapan Penyelidikan</p> <p>Strategi : Menjadikan aktiviti penyelidikan BI sebagai aktiviti tahunan Unit Bahasa Inggeris.</p> <p>Pelan Tindakan : Menghadiri kursus/ bengkel/ seminar penyelidikan untuk mendapat bimbingan dalam menjalankan penyelidikan.</p> <p>Merancang aktiviti penyelidikan BI</p> <p>Melaksanakan aktiviti penyelidikan BI.</p> <p>Pengumpulan dan analisis data</p> <p>Menyediakan laporan</p>

<p>Indikator pencapaian KPI output Menghadiri sekurang-kurangnya 1 kursus/ bengkel/ seminar penyelidikan.</p> <p>KPI outcome – Semua ahli akademik Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI</p> <p>Tindakan susulan: Membina perancangan untuk aktiviti penyelidikan secara berkumpulan</p> <p>Memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui program penyelidikan unit</p>	<p>Indikator pencapaian KPI output Menghasilkan sekurang-kurangnya 1 kertas cadangan penyelidikan.</p> <p>KPI outcome – Semua ahli akademik Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI.</p> <p>Tindakan susulan: Membina perancangan untuk aktiviti penyelidikan secara berkumpulan</p> <p>Memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui program penyelidikan unit</p>	<p>Menyediakan draf laporan</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menghasilkan sekurang-kurangnya 1 draf laporan penyelidikan BI.</p> <p>KPI outcome – Semua ahli akademik Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI.</p> <p>Tindakan susulan: Penilaian berterusan aktiviti penyelidikan Unit BI</p> <p>Mengukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui program penyelidikan unit</p>	<p>Menyediakan laporan</p> <p>Pembentangan</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menghasilkan sekurang-kurangnya 1 laporan penyelidikan BI.</p> <p>KPI outcome Semua ahli akademik Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI.</p> <p>Tindakan susulan: Penilaian berterusan aktiviti penyelidikan Unit BI</p> <p>Mengukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui program penyelidikan unit</p>	<p>Pembentangan</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Membentangkan sekurang-kurangnya 1 hasil penyelidikan BI di dalam/ di luar IPGKBL.</p> <p>KPI outcome Semua ahli akademik Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI.</p> <p>Membuat pembentangan di dalam/ di luar IPGKBL.</p> <p>Tindakan susulan: Penilaian berterusan aktiviti penyelidikan Unit BI</p> <p>Mengukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui program penyelidikan unit</p>
--	--	--	--	---

**Fokus 2.2 Pemantapan Pelaksanaan dan Metodologi Penyelidikan Bahasa Inggeris (BI)
(PPPM Anjakan 4: Mentransformasikan Profesion Keguruan sebagai Profesion Pilihan)**

<p>Isu Utama : Pemantapan kaedah penyelidikan</p> <p>Strategi : Meningkatkan keupayaan dan kemahiran para pensyarah Unit Bahasa Inggeris dalam perkaedahan penyelidikan</p>	<p>Isu Utama : Pemantapan kaedah penyelidikan</p> <p>Strategi : Meningkatkan keupayaan dan kemahiran para pensyarah Unit Bahasa Inggeris dalam perkaedahan penyelidikan</p>	<p>Isu Utama : Pemantapan kaedah penyelidikan dan pelaporan</p> <p>Strategi : Meningkatkan keupayaan dan kemahiran para pensyarah Unit Bahasa Inggeris dalam perkaedahan penyelidikan</p>	<p>Isu Utama : Pemantapan kaedah penyelidikan dan pelaporan</p> <p>Strategi : Meningkatkan keupayaan dan kemahiran para pensyarah Unit Bahasa Inggeris dalam perkaedahan penyelidikan</p>	<p>Isu Utama : Pemantapan kaedah penyelidikan, pelaporan dan perkongsian hasil penyelidikan</p> <p>Strategi : Meningkatkan keupayaan dan kemahiran para pensyarah Unit Bahasa Inggeris dalam perkaedahan penyelidikan</p>
---	---	---	---	---

<p>Pelan Tindakan : Merancang penyelidikan</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menghadiri sekurang-kurangnya 1 kursus/ bengkel/ seminar penyelidikan.</p> <p>KPI outcome Semua pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI</p> <p>Tindakan susulan: Memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui aktiviti penyelidikan unit</p> <p>Menghadiri mana-mana kursus/bengkel/seminar yang berkaitan dengan penyelidikan</p>	<p>Pelan Tindakan : Merancang penyelidikan</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menghadiri sekurang-kurangnya 1 kursus/ bengkel/ seminar penyelidikan.</p> <p>KPI outcome – Semua pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI</p> <p>Tindakan susulan: Memupuk budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui aktiviti penyelidikan unit</p> <p>Menghadiri mana-mana kursus/bengkel/seminar yang berkaitan dengan penyelidikan</p>	<p>Pelan Tindakan : Merancang dan melaksanakan penyelidikan</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menghasilkan sekurang-kurangnya 1 draf laporan penyelidikan.</p> <p>KPI outcome – Semua pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI</p> <p>Tindakan susulan: Mengukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui aktiviti penyelidikan unit</p> <p>Menghadiri mana-mana kursus/bengkel/seminar yang berkaitan dengan penyelidikan</p>	<p>Pelan Tindakan : Merancang dan melaksanakan penyelidikan</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Menghasilkan sekurang-kurangnya 1 laporan penyelidikan yang baik.</p> <p>KPI outcome – Semua pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI</p> <p>Tindakan susulan: Mengukuhkan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui aktiviti penyelidikan unit</p> <p>Menghadiri mana-mana kursus/bengkel/seminar yang berkaitan dengan penyelidikan</p>	<p>Pelan Tindakan : Merancang, melaksanakan dan membentangkan hasil penyelidikan</p> <p>Indikator pencapaian KPI output – Membentangkan sekurang-kurangnya 1 hasil penyelidikan BI.</p> <p>KPI outcome Semua pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat dalam aktiviti penyelidikan BI.</p> <p>Pembentangan di dalam/ di luar IPGKBL</p> <p>Tindakan susulan: Memantapkan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah Unit BI melalui aktiviti penyelidikan unit</p> <p>Menghadiri mana-mana kursus/bengkel/seminar yang berkaitan dengan penyelidikan</p>
---	---	--	---	--

C. KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT

FOKUS UTAMA 3 : Meningkatkan Budaya Keilmuan dan Kemahiran Profesional.				
Fokus 3.1 Membudayakan Komuniti Pembelajaran Profesional (BI) (PPPM Anjakan 4: Mentransformasikan Profesion Keguruan sebagai Profesion Pilihan)				
2016	2017	2018	2019	2020
<p>Isu Utama : Pembudayaan pembelajaran berterusan</p> <p>Strategi : Meningkatkan kepakaran ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui kolaboratif strategik</p> <p>Pelan Tindakan : Mengadakan <i>Professional Development Day</i></p> <p>Mengadakan kolaboratif antara pensyarah IPGKBL/ agensi-agensi luar.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Semua pensyarah dapat menjadi pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p> <p>KPI outcome Pensyarah-pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat sebagai pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p>	<p>Isu Utama : Pembudayaan pembelajaran berterusan</p> <p>Strategi : Meningkatkan kepakaran ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui kolaboratif strategik</p> <p>Pelan Tindakan : Mengadakan <i>Professional Development Day</i></p> <p>Mengadakan kolaboratif antara pensyarah IPGKBL/ agensi-agensi luar.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Semua pensyarah dapat menjadi pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p> <p>KPI outcome Pensyarah-pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat sebagai pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p>	<p>Isu Utama : Pembudayaan pembelajaran berterusan</p> <p>Strategi : Meningkatkan kepakaran ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui kolaboratif strategik</p> <p>Pelan Tindakan : Mengadakan <i>Professional Development Day</i></p> <p>Mengadakan kolaboratif antara pensyarah IPGKBL/ agensi-agensi luar.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Semua pensyarah dapat menjadi pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p> <p>KPI outcome Pensyarah-pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat sebagai pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p>	<p>Isu Utama : Pembudayaan pembelajaran berterusan</p> <p>Strategi : Meningkatkan kepakaran ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui kolaboratif strategik</p> <p>Pelan Tindakan : Mengadakan <i>Professional Development Day</i></p> <p>Mengadakan kolaboratif antara pensyarah IPGKBL/ agensi-agensi luar.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Semua pensyarah dapat menjadi pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p> <p>KPI outcome Pensyarah-pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat sebagai pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p>	<p>Isu Utama : Pembudayaan pembelajaran berterusan</p> <p>Strategi : Meningkatkan kepakaran ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui kolaboratif strategik</p> <p>Pelan Tindakan : Mengadakan <i>Professional Development Day</i></p> <p>Mengadakan kolaboratif antara pensyarah IPGKBL/ agensi-agensi luar.</p> <p>Indikator pencapaian KPI output Semua pensyarah dapat menjadi pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p> <p>KPI outcome Pensyarah-pensyarah Unit Bahasa Inggeris terlibat sebagai pakar rujuk bagi sekolah, institusi tempatan dan agensi luar.</p>

Tindakan susulan: Mengadakan kolaboratif dengan mana-mana institusi/agensi yang memerlukan kepakaran pensyarah Unit BI	Tindakan susulan: Mengadakan kolaboratif dengan mana-mana institusi/agensi yang memerlukan kepakaran pensyarah Unit BI	Tindakan susulan: Mengadakan kolaboratif dengan mana-mana institusi/agensi yang memerlukan kepakaran pensyarah Unit BI	Tindakan susulan: Mengadakan kolaboratif dengan mana-mana institusi/agensi yang memerlukan kepakaran pensyarah Unit BI	Tindakan susulan: Mengadakan kolaboratif dengan mana-mana institusi/agensi yang memerlukan kepakaran pensyarah Unit BI
--	--	--	--	--

